

Kontraktor bina tandas awam perlu sijil khas

MELAKA 22 Feb. - Kerajaan negeri meletakkan syarat kepada kontraktor yang terlibat dalam pembinaan tandas awam di negeri ini perlu mengikuti kursus atau Seminar Pembinaan Tandas Sempurna sebelum layak melaksanakan projek kemudahan awam tersebut.

Menerusi langkah itu, setiap kontraktor perlu memiliki sijil kursus yang dianjurkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri sebelum dibenarkan membina tandas awam di negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron (**gambar**) berkata, pihaknya



menerima aduan mengenai kemudahan tandas awam termasuk di masjid yang dibina tanpa mengikut spesifikasi ditetapkan.

"Kita terima banyak aduan mengenai keadaan tandas yang berbau busuk ekoran sistem pengudaraan yang tidak dibina dengan sempurna. Ada juga tandas yang dibina terlalu kecil.

"Saya telah mengarahkan PBT dan JKR menyediakan kursus kepada kontraktor yang terlibat," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di Seri Negeri Ayer Keroh di sini, baru-baru ini.

Idris berkata, walaupun keadaan tandas awam di negeri ini kebanyakannya berada pada kebersihan yang baik, satu piawaian standard perlu digunakan untuk menetapkan spesifikasi pembinaannya.

Dalam pada itu, Idris melahirkan rasa kesal terhadap perkembangan projek pengindahan Sungai Melaka fasa dua yang suah tergendala lebih tiga tahun sejak diambil alih kontraktor baharu.